

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	23/12/2020	MUKA SURAT	: 24
JABATAN	:	KeTSA / JPSPM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

Program Penghijauan Malaysia

BH 23/12/2020 m/s 24

# Kempen tanam 100 juta pokok hingga 2025 dilancar

Usaha sebar luas kesedaran kepentingan pulihara kawasan berhutan

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Program Penghijauan Malaysia menyasarkan penanaman 100 juta pokok menjelang 2025.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata kempen diadakan untuk tempoh lima tahun ini bertujuan menyebarkan kesedaran kepentingan memulihara kawasan berhutan dalam usaha menangani isu perubahan iklim yang juga agen utama penerapannya karbon.

Katanya, pemantauan pelaksanaan kempen itu akan menggunakan aplikasi 'Penghijauan Malaysia' dan laman web khas [www.100jutapokok.gov.my](http://www.100jutapokok.gov.my) yang



**Shamsul Anuar (dua dari kiri)** pada Prapelancaaran dan Pengendalian Logo Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 di Putrajaya, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

boleh diakses semua kementerian, jabatan dan orang awam.

"Kempen penanaman pokok ini akan diadakan serentak pada 5 Januari tahun depan di seluruh negara.

"Kami menyasarkan 20 juta pokok dapat ditanam pada tahun pertama," katanya pada sidang media Prapelancaaran dan Pengendalian Logo Program Penghija-

uan Malaysia Kempen Penanaman 100 juta Pokok 2021-2025, di sini semalam.

Kempen diterajui Kementerian Perhutanan Semalaman Malaysia itu melalui kerjasama Jabatan Perhutanan Semalaman Negara-Negara dan Jabatan Perhutanan Negara itu dijangka drasmatkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada 5 Januari ini.

Program itu antara usaha ke-

rajaan mengekalkan sektor-pada keluasan tanah dilitupi pokok dan kawasan hutan selaras komitmen Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro pada 1992. Shamsul Anuar berkata, sehingga kini negara mencatatkan litupan hutan sebanyak 55.3 peratus dan ia diharapkan dapat terus dkekalkan.